



MAJLIS DAERAH LENGONG
PERAK DARUL RIDZUAN

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR TIDAK KURANG DARI 18 TAHUN YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN BERIKUT, KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.

- | | | |
|--------------------|---|-------------------------------|
| 1. Jawatan | : | Penolong Jurutera Gred JA29 |
| Taraf Jawatan | : | Pekerja Sambilan Harian (PSH) |
| Jadual Gaji | : | RM 72.00 sehari |
| Kekosongan Jawatan | : | 2 |

2. SYARAT LANTIKAN :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

3. KELAYAKAN KHUSUS :

- (a) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(b) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya,

dan

(c) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS :

- Melaksanakan kerja-kerja di bawah Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Lenggong.
- Melaksanakan projek-projek bangunan kerajaan dan jalan raya.
- Merancang strategi pelaksanaan operasi pembangunan.
- Membantu tugas-tugas menderaf plan, lukisan teknikal dan plan 'lay-out'.
- Menjalankan kerja-kerja berkaitan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan (MARRIS)
- Menjalankan siasatan, mengumpul dan merekod jumlah jalan MARRIS.

- Membantu tugas menyenarai kemudahan awam dan kemudahan asas di dalam kawasan Majlis Daerah Lenggong.
- Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

5. CARA MEMOHON :

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Rasmi (MDLG.Pkdm.1/96) yang boleh diambil di Pejabat Majlis Daerah Lenggong atau melalui laman sesawang www.mdlg.gov.my
- Calon dikehendaki meyertakan salinan kad pengenalan, sijil-sijil berkaitan yang disahkan bersama dengan borang permohonan.
- Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat;
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Lenggong,
Jalan Alang Iskandar,
33400 Lenggong,
Perak Darul Ridzuan.

6. Tarikh tutup permohonan adalah pada 23 Februari 2018.